

# 'Elak konfrontasi kaum'

## Sultan Perak mahu konflik diselesai secara rundingan

Oleh Rasheffa Abdul Rashid

**K**UALA KANGSAR: Sultan Perak, Sultan Azlan Shah bertitah, sebarang konflik yang tercetis di antara kaum di negara ini harus diselesaikan menerusi rundingan, bukannya dengan pendekatan konfrontasi dan pertelingkahan sehingga mencetuskan suasana lebih buruk.

Baginda bertitah, perbincangan dan rundingan pula perlu diadakan dengan hati terbuka dan berfikir rasional melalui forum bertamadun sebagai saluran terbaik menyelesaikan sebarang pertelingkahan.

"Jika ada pihak yang memilih pendekatan untuk menunjukkan siapa lebih jaguh, siapa lebih kuat dan siapa lebih benar dengan matlamat mahu menang semua, ia tidak akan menemui jalan penyelesaian terutama membincangkan isu sensitif yang menyentuh agama dan kaum.

"Pendekatan sedemikian akan hanya mencetuskan konfrontasi dan akan berakhir dengan 'yang menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu'," titahnya sempena ulang tahun keputeraan baginda ke-79, di Istana Iskandariah, di sini semalam.

Sultan Azlan bertitah, keamanan wajib dipertahankan kerana ia adalah prasyarat kepada kebahagiaan, kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara dan bangsa.

Titah baginda, negara yang aman dapat menumpukan sumber negara, kekayaan serta sumber manusia untuk membangunkan negara daripada sebarang konflik yang menjejaskan ketenteraman serta mengancam kestabilan negara.

"Justeru, beta menyeru seluruh rakyat menghargai keamanan serta menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan, mahupun mengungkapkan perkataan yang boleh mencetuskan pertelingkahan secara terbuka antara kaum dan agama.

"Semangat permuafakatan dan ikatan perpaduan yang termaktub dalam Perlembagaan Merdeka yang dicapai kira-kira 50 tahun lalu menjanjikan setiap warga di negara ini tanpa mengira agama dan kaum, mendapat perlindungan secara adil dan saksama dan ini harus diperkuatkan lagi," titah baginda.



**JASA DIKENANG:** Sultan Azlan Shah menganugerahkan DPMP yang membawa gelaran Datuk kepada bekas pemain badminton negara, Tan Yee Khan, di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, semalam.

Baginda bertitah, kegagalan mempertahankan semangat dan ikatan itu membuka lorong ke arah memusnahkan hubungan harmoni yang sedia terjalin antara agama dan kaum yang jika tidak cepat ditutup akan mencetuskan perselisihan kaum dan agama di seluruh negara.

"Insan yang bijak sentiasa mengingatkan dirinya bahawa dia juga tidak sempurna, masih belum lengkap pengetahuannya dan masih tidak terlepas dari melakukan kesilapan.

"Sifat sempurna dan bebas daripada kesalahan hanyalah sifat yang dimiliki oleh Ilahi," titah baginda.

Titah baginda, semua pihak termasuk pemimpin, badan bukan kerajaan (NGO) serta media harus

membantu usaha memastikan negara ini kekal aman dan sejahtera.

"Beta memberi jaminan bahawa sebagai Raja Pemerintah di bawah sistem Raja Berperlembagaan, Beta akan memberikan payung naungan secara adil dan saksama kepada se-

**“Rakyat perlu hargai keamanan serta menghindarkan diri daripada pertelingkahan”**

**Sultan Azlan Shah**  
Sultan Perak

tiap rakyat, tanpa mengira agama ataupun kaum," titah baginda.

Semalam, Sultan Azlan Shah mengurniakan darjah kebesaran kepada 56 penerima dengan didahului Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali yang dikurniakan Darjah Seri Panglima Taming Sari yang membawa gelaran Datuk Seri.

Penerima lain ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said; Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan, Datuk Azhar Muda; Datuk Pengelola Bijaya Diraja Sultan Perak, Raja Datuk Mansur Raja Razman dan Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Datuk Abdul Azim Mohd Zaidi.

BERNAMA